

TATACARA IJTIHAD OLEH MAJLIS PENASIHAT SYARIAH BANK NEGARA MALAYSIA DALAM MENYELESAIKAN ISU KEWANGAN ISLAM

IJTIHAD APPROACH BY SYARIAH ADVISORY COUNCIL OF BANK NEGARA MALAYSIA IN SOLUTION OF ISLAMIC FINANCE ISSUES

Aisyah Mustafa

Asmak Ab Rahman

Academy of Islamic Studies, University of Malaya

ABSTRAK

Ijtihad adalah penentuan terhadap suatu hukum yang tidak ada dibincangkan dalam sumber perundangan Islam. Ia juga merupakan suatu mekanisma utama dalam ilmu usul fiqh. Isu ijtihad ini banyak dibincangkan oleh ulama terdahulu dan juga ulama kontemporari dalam menentukan sesuatu hukum yang sesuai dengan perkembangan semasa. Namun begitu, ijtihad ini hanya boleh dilakukan oleh orang yang berkelayakan sahaja. Dalam konteks kewangan Islam, Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS BNM) adalah badan yang berautoriti untuk melakukan ijtihad terhadap isu-isu yang timbul berkaitan dengan muamalat. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti pendekatan yang digunakan oleh MPS BNM dalam menangani isu-isu kewangan Islam. Oleh itu, kajian perpustakaan telah digunakan untuk memperolehi segala maklumat seperti jurnal, buku, kertas persidangan, dan koleksi Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam. Kajian lapangan juga turut dijalankan dengan menggunakan kaedah temu bual. Temu bual dijalankan bersama pegawai-pegawai yang terlibat dalam industri kewangan Islam. Hasil kajian mendapati MPS BNM melaksanakan tugasnya dengan mengeluarkan suatu hukum terhadap isu yang dibincangkan dengan menjalani proses ijtihad terlebih dahulu. Bertitik tolak daripada kenyataan ini, pendekatan ijtihad menjadi satu keperluan penting dalam memberikan jawapan hukum terhadap isu-isu semasa yang timbul terutamanya dalam kewangan Islam.

Kata kunci: Ijtihad, Majlis Penasihat Syariah, kewangan Islam

ABSTRACT

Ijtihad is the determination of a law which is not discussed in Islamic legal sources. It is also the main mechanism in the usul fiqh. The issue of ijtihad has been discussed by former scholars as well as contemporary scholars in deciding law based on current developments. However, ijtihad can only be done by qualified people. In the context of Islamic finance, Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia (SAC BNM) is the authorized body that can perform ijtihad on issues related to Islamic finance. The purpose of this study is to identify the approach used by SAC BNM in addressing Islamic Financial issues. Therefore, library research was done to obtain information such as journals, books, conference papers and shariah resolution in Islamic Finance. Field studies were conducted using interview method. Interviews were conducted with executives who wererelated to Islamic finance industry. This study found that SAC BNM performs their duties in defining the hukum through the process of ijtihad. Starting from this point, ijtihad became a necessity in providing legal answers on current issues especially in Islamic finance.

Keywords: *ijtihad, Syariah Advisory Council, Islamic finance*

PENDAHULUAN

Kehidupan manusia memerlukan panduan dalam menentukan jalan kehidupan masing-masing. Begitu juga dalam aspek agama, manusia memerlukan panduan dan ketetapan hukum yang jelas. Hukum hakam yang jelas ini akan digunakan oleh manusia dalam menjalani kehidupan hariannya sebagai seorang Muslim. Kegagalan dalam menentukan suatu hukum terhadap masalah yang timbul bakal mengundang kekeliruan di kalangan masyarakat. Hal ini akan menambahkan lagi kekusutan sekiranya masalah itu adalah perkara yang baru dan belum ada perbincangan mengenainya di dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Permasalahan yang baru ini kebiasaannya berkait rapat dengan kehidupan harian masyarakat. Seiring dengan peredaran zaman dan kemajuan dalam bidang sains dan teknologi, ia turut mendorong kepada perubahan gaya hidup manusia. Faktor perubahan ini menjadi satu cabaran bagi memenuhi keperluan hidup masing-masing. Selain daripada itu, perubahan keadaan ini turut menimbulkan banyak isu atau masalah yang memerlukan kepakaran seseorang untuk menyelesaikan masalah yang timbul.

Jika suatu permasalahan baru yang timbul itu diselesaikan merujuk kepada keadaan zaman dahulu yang mana ia berbeza dengan budaya atau situasi zaman sekarang, sudah tentu ia akan mendatangkan kesulitan dan kesukaran terhadap masyarakat. Maka, terbukti di sini akan kepentingan terhadap proses ijtihad dalam penentuan suatu hukum baru yang belum pernah dibincangkan.

Era kemajuan dalam masyarakat Islam kini menimbulkan banyak persoalan baru dalam pelbagai bidang termasuk juga dalam urusan muamalat. Kebanyakan isu baru yang timbul ini tidak ada jawapan dan penjelasan secara langsung dalam al-Quran dan al-hadith (Rosele at al., 2016). Menyederi realiti ini, maka timbul keperluan dalam melaksanakan ijtihad terhadap isu kontemporari sesuai dengan perubahan masa, tempat dan keadaan. (Ab Majid, 2004). Oleh itu, penentuan hukum terhadap suatu masalah yang timbul perlu diberikan penyelesaian mengikut landasan syarak kerana ia merupakan tugas para mujtahid.

Mujtahid adalah orang yang bertanggung jawab dalam menentukan sesuatu hukum yang belum pernah dibincangkan penyelesaiannya. Orang yang berijtihad perlu memenuhi syarat kelayakan untuk menjadi mujtahid (Zaidan, 1976). Secara umumnya, mujtahid perlu mengeluarkan suatu hukum yang tiada dinyatakan dalam sumber perundangan Islam yang utama. Oleh itu, tidak semua orang layak untuk melakukan ijtihad. Bagi mencapai darjat seorang mujtahid, seseorang itu harus memenuhi beberapa syarat tertentu seperti mahir dalam ilmu al-quran, hadis, bahasa arab, *usul fiqh* dan bidang ilmu yang berkaitan. (Abu Zahrah, t.t; Al-Ghazali, t.t; Al-Asnawi, 1924).

Maka, dalam urusan kewangan Islam, ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS BNM) merupakan mujtahid yang akan menyelesaikan masalah terhadap isu-isu baru yang timbul. MPS BNM telah ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta 701), bahagian VII, perniagaan kewangan Islam sebagai pihak berkuasa bagi menentukan hukum syarak dalam sistem kewangan Islam.

Bagaimanapun, keterlibatan MPS BNM dalam menjalankan peranannya dipertikaikan kerana ketiadaan peraturan dan garis panduan yang khusus dalam mengeluarkan hukum (Zakaria, 2013) dan ini turut menggambarkan bahawa MPS BNM hanya melakukan duplikasi terhadap produk yang ditawarkan oleh industri konvensional (Markom et al., 2013).

Oleh itu, kajian ini akan membincangkan tatacara ijtihad yang dilakukan oleh MPS BNM dalam menentukan suatu keputusan hukum. Ini akan memberi gambaran setiap keputusan hukum yang dikeluarkan oleh MPS BNM akan melalui prosedur tertentu bagi memastikan perjalanan ijtihad yang dilakukan tersusun dan bersistematik.

KAJIAN LITERATUR

Sebahagian besar realiti kehidupan manusia pada masa kini adalah sangat berbeza dengan zaman terdahulu. Oleh itu, banyak isu-isu masa kini memerlukan penentuan hukum kerana urusan kehidupan masa kini semakin maju, berkembang dan kompleks. Berdasarkan hakikat ini, keperluan terhadap ijtihad sangat penting terutamanya dalam bidang kewangan Islam.

Imam al-Ghazali mendefinisikan ijtihad sebagai usaha dan pengorbanan seorang mujtahid dengan segala kemampuannya bagi mengetahui dengan yakin hukum-hukum syarak. Sementara ijtihad yang lengkap pula disebut sebagai mengorbankan kemampuan dalam mencari sesuatu hukum sehingga dirasakan oleh dirinya tiada upaya lagi untuk menghasilkan lebih daripada itu (al-Ghazali, t.t). Manakala menurut al-Amidi, ijtihad adalah mencurahkan semua kemampuan untuk mengeluarkan hukum syarak yang bersifat *ẓanni*, sehingga merasakan dirinya tidak mampu lagi melakukan lebih daripada itu (al-Amidi, 2003). Manakala Imam Abu Ishaq al-Syirazi, yang melihat ijtihad itu adalah curahan kemampuan seorang mujtahid dalam mencari sesuatu hukum. (al-Syirazi, t.t.) Ijtihad adalah antara sumber penting dalam penentuan suatu hukum selain daripada al-Quran dan sunnah. Perbezaan antara keduanya adalah, ijtihad merupakan proses yang berterusan dan berkembang dari masa ke semasa, manakala al-Quran dan sunnah pula adalah sumber premier yang tetap dan tidak boleh diubah sehingga akhir zaman (Kamali, 1991).

Ijtihad kontemporari dapat dijelaskan sebagai usaha mencurahkan seluruh tenaga dan kemampuan berfikir untuk mencari penyelesaian hukum terhadap persoalan baru yang timbul pada masa kini dengan mengambil kira konteks semasa yang tertakluk kepada perubahan dan kemajuan zaman (Rosele et al., 2016). Unsur penting yang perlu difahami dari konsep ijtihad ialah adanya kepayahan, usaha dan tenaga fikiran dalam memahami dan menentukan hukum syarak. Secara ringkasnya, ijtihad dikenali sebagai usaha dalam mencurahkan akal fikiran atau minda yang dilakukan oleh mereka yang berkemampuan dalam menyelesaikan isu-isu kontemporari bagi memastikan ianya selari dengan kehendak Allah S.W.T (al-Razi, 1981; Ibn al-Manzur, 1999; al-Amidi, t.t).

Sementara itu, dalam proses ijtihad, penentuan sesuatu isu yang ingin dibincangkan perlu diteliti terlebih dahulu sebelum hukum itu ditetapkan. Menurut seorang ilmuwan Muslim yang memandang kepentingan ijtihad dalam rangka mengeluarkan permasalahan kontemporari iaitu Yusuf al-Qardawi, beliau telah membahagikan ijtihad kepada dua jenis. Pertama, *ijtihad tarjibi intiqa'i* iaitu ijtihad yang dilakukan dengan memilih satu pendapat dari beberapa pendapat yang ada. Ijtihad yang kedua pula adalah *ijtihad insya'i* iaitu pengambilan hukum baru mengenai suatu soalan yang mana perkara itu belum pernah dikemukakan oleh ulama terdahulu (Qardawi, 1994).

Dalam proses ijtihad, ia perlu dilaksanakan oleh mereka yang mempunyai kriteria seorang *mujtahid* seperti mahir dalam memahami makna ayat-ayat hukum, menguasai Bahasa Arab, memahami *nasikh* dan *mansukh*, mengetahui metodologi *qiyas* dengan baik, dan sebagainya (Al-Asnawi, 1924; al-Namilah, 2000; Ridla, 1922; Manan, 2006). Selain daripada itu, urusan ijtihad juga memerlukan keahlian tertentu termasuk penguasaan ilmu *usul fiqh* dan ilmu *maqasid al-syari'ah* (al-Namilah, 2000).

Selain daripada itu, dalam memenuhi keperluan ijtihad pada masa kini proses perbincangan yang diadakan perlu dalam bentuk *majma' 'ilmi*⁷ dan bukan dalam bentuk *fardi* (individu) (Qardawi, 2011). Ini kerana, semasa proses ijtihad, ahli-ahli ilmu dan pakar-pakar dalam bidang tertentu akan dihimpunkan untuk sama-sama berbincang dan membuat kajian yang mendalam terhadap isu yang dibincangkan. Maka, secara tidak langsung ia akan menggalakkan keseragaman hukum dan mengelakkan percanggahan amalan dalam setiap institusi kewangan Islam (IKI) di Malaysia.

Pada masa kini, ijtihad dianggap satu keperluan yang sangat penting. Ijtihad merupakan kaedah dalam menentukan hukum syarak dan ia juga dianggap sebagai pengembang hukum Islam (Kamali, 2000). Kegiatan ekonomi yang pelbagai dan perkara-perkara baru yang timbul ini memerlukan kepada penyelesaian yang sesuai menurut syarak. Oleh itu, para mujtahid perlu menggunakan kepakaran mereka secara bersungguh-sungguh dalam usaha mengeluarkan sesuatu hukum.

Bagi memastikan permasalahan hukum dapat diselesaikan dengan baik melalui ijtihad yang dilakukan oleh pakar-pakar tertentu, MPS BNM telah ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan kerajaan juga telah mewajibkan setiap institusi kewangan yang berhasrat untuk menjalankan sistem kewangan Islam perlu menubuhkan suatu Jawatankuasa Syariah bagi menasihati institusi tersebut berhubung perkara-pekerja syariah seperti yang termaktub dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Arif & Markom, 2013; Hasan & Salleh, 2017).

IJTIHAD JAMA'I SEBAGAI KAEDAH PENYELESAIAN HUKUM DALAM KEWANGAN ISLAM

Pada masa kini, fuqaha berhadapan dengan cabaran globalisasi di zaman serba moden. Kemajuan yang berkembang pesat dari segi teknologi, budaya dan gaya hidup ini telah mendorong timbulnya pelbagai masalah hukum yang baru dalam masyarakat tempatan. Maka, fuqaha perlu berganding bahu dalam suatu kesepakatan untuk mengeluarkan hukum baru yang timbul agar ia tidak bertentangan dengan syariat Islam.

Suatu kesepakatan bermula daripada melihat isu baru yang timbul itu secara kolektif dan secara bersama agar ia tidak akan melahirkan pelbagai pandangan peribadi atau *fardi* yang akan mengundang kepada perpecahan dan menyebabkan kebingungan dikalangan masyarakat (al-Syarafi, 1998).

Ijtihad *jama'i* merupakan kesungguhan dan pengerahan segala usaha dan keupayaan fuqaha yang berkelayakan untuk berijtihad bagi menghasilkan suatu hukum syarak melalui cara istinbat, serta mereka bersetuju dengan sebulat suara terhadap sesuatu hukum selepas sesi perbincangan yang mendalam dijalankan (al-Syarafi, 1998).

Ijtihad *jama'i* juga ditakrifkan sebagai suatu usaha kesungguhan dan pengerahan segala keupayaan secara maksima yang dijalankan oleh sekelompok individu yang mempunyai kelayakan untuk melakukan ijtihad serta mempunyai kepakaran dalam disiplin ilmu yang berkaitan dengan isu yang sedang dikaji atau dibahaskan dengan merujuk hukum yang telah diputuskan oleh ulama terdahulu, kemudian melakukan perbincangan serta pentarjihan lalu mengeluarkan satu pendapat tertentu berdasarkan kekuatan dalil dan pentahkikan *maslahah* (Sano, 2000).

⁷ *Majma' ilmi* seperti Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, *Majma' al-Fiqh al-Islami, Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institution* (AAOIFI) dan sebagainya yang merupakan suatu organisasi, pertubuhan atau badan berautoriti dalam menentukan atau menyelesaikan suatu permasalahan hukum.

Oleh kerana agak sukar untuk memiliki seorang mujtahid yang mempunyai kepakaran dalam banyak bidang disiplin ilmu (*mujtahid mutlaq*), maka ijtihad *jama'i* ini dianggap sebagai cara yang relevan untuk menghasilkan sesuatu hukum yang timbul pada zaman moden ini. Ini adalah kerana, dalam ijtihad *jama'i*, ia menghimpunkan sekumpulan ilmuan yang terdiri dari pelbagai latar belakang kepakaran tertentu. Berbeza dengan ijtihad *fardi* yang hanya tertumpu kepada pandangan individu yang dikhuatiri tidak mampu memberikan suatu keputusan hukum yang tepat.

Ijtihad *jama'i* dianggap suatu penyelesaian yang sempurna pada zaman moden ini kerana masalah yang rumit dan kompleks dapat diselesaikan dengan mudah dengan penghasilan keputusan hukum yang berkualiti dan dapat mengharmonisasikan segala pandangan yang telah diberikan oleh mujtahid yang mempunyai kepakaran bidang ilmu yang berbeza (Syed Shamsuddin & Ismail, 2018).

Menyedari metode ijtihad *jama'i* ini adalah metode yang terbaik dalam berijtihad bagi menentukan suatu hukum yang baru kerana kesyukuran dan kemahiran yang mendalam bidang keilmuan ahlinya, maka metode ini telah diamalkan di Malaysia dengan penubuhan badan atau institusi yang terlibat dalam pengeluaran hukum yang berkaitan dengan kewangan Islam seperti MPS BNM (Hussain, 2013).

BADAN BERKUASA DALAM PENENTUAN HUKUM BAGI KEWANGAN ISLAM

Sebelum tubuhnya sistem kewangan Islam, amalan urus niaga di Malaysia mengguna pakai sistem kewangan konvensional. Melihat kepada keperluan dan kewajiban dalam melakukan urusan niaga yang berlandaskan syarak, maka Akta Bank Islam 1983 telah digubal dan memberi ruang untuk pelaksanaan sistem perbankan dan kewangan Islam di Malaysia. Bank Negara Malaysia (BNM) yang bertindak sebagai pengawal selia telah diberikan kuasa undang-undang dalam mengatur dan menyelia sistem kewangan bagi menjamin kestabilan dan struktur kewangan yang baik. (Ismail & Sanusi, 2004). Pada 7 April 1983, Akta Bank Islam 1983 telah berkuatkuasa bagi membolehkan bank Islam menjalankan operasi dengan memenuhi kehendak syarak. Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) merupakan bank Islam pertama yang ditubuhkan di Malaysia sebagai sebuah syarikat berhad di bawah Akta Syarikat 1965 (Borhan, 2001). Selain daripada itu, usaha untuk menubuhkan syarikat insurans Islam di Malaysia juga telah bermula di sekitar tahun 1983. Pada tahun 1982, Pasukan Petugas Khas telah ditubuhkan oleh kerajaan untuk mengkaji daya maju penubuhan syarikat insurans Islam. Berikutan syor Pasukan Petugas ini, Akta Takaful telah dikuatkuasakan pada tahun 1984 dan pengendali takaful pertama telah ditubuhkan pada bulan November 1984 (Bank Negara Malaysia, 2004). Walaupun kewujudan industri takaful di Malaysia hampir mencecah empat dekad, ia masih dianggap baru jika dibandingkan dengan sistem insurans konvensional yang telah lama dibangunkan serta mempunyai data yang kuat dan relevan untuk melakukan penyelidikan (Syed Mohamad, 2020). Pada tahun 2013, sistem kewangan Islam telah diperkasakan lagi dengan tertubuhnya Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013) bagi menggantikan Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984.

Seiring dengan peredaran zaman, permintaan yang tinggi daripada pelanggan dan kewujudan produk-produk kewangan Islam yang pelbagai, pasti akan menimbulkan permasalahan dan isu yang baru. Maka, suatu badan pematuhan syariah perlu diwujudkan bagi memastikan kesemua produk dan operasi kewangan Islam berjalan mengikut landasan syarak (Arif & Markom, 2013).

MPS BNM merupakan pihak berkuasa bagi menentukan hukum syarak dalam sistem kewangan Islam. MPS BNM telah ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta 701), bahagian VII, perniagaan kewangan Islam. Seksyen 51 memperuntukkan penubuhan Majlis

Penasihat Syariah, yang mana, subseksyen 1 menyebut bahawa Majlis Penasihat Syariah adalah pihak berkuasa dalam menentukan hukum mengikut perniagaan kewangan Islam. Sementara, dalam Seksyen 52 (1) menyenaraikan fungsi Majlis Penasihat Syariah, iaitu, (a) menentukan hukum Islam mengenai kewangan dan mengeluarkan keputusan terhadap perkara yang dirujuk; (b) memberi nasihat kepada Bank tentang apa-apa isu syariah berkaitan dengan perniagaan kewangan Islam, aktiviti bank atau transaksi; dan (c) memberikan nasihat kepada mana-mana institusi kewangan Islam atau mana-mana orang lain sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

MPS BNM yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia ini adalah merupakan suatu badan berkuasa dalam penentuan setiap hukum yang berkaitan dengan kewangan Islam agar operasi setiap institusi kewangan itu berjalan mengikut landasan syarak. MPS juga bertindak sebagai penasihat dan tempat rujukan utama bagi BNM dan pihak-pihak berkaitan⁸ terhadap urusan yang berkaitan dengan kewangan Islam. Kedudukan MPS BNM sebagai badan berkuasa ini juga diiktiraf dari aspek pengamalan undang-undang seperti yang dinyatakan di dalam seksyen 51 hingga 58 Akta Bank Negara 2009. Peruntukan dalam seksyen ini meliputi penubuhan, fungsi pelantikan anggota serta kedudukan keputusan MPS BNM.

Penubuhan MPS BNM adalah petunjuk kepada perkembangan sistem kewangan Islam di Malaysia. MPS BNM telah diberi mandat untuk memastikan pematuhan syariah terhadap perbankan Islam, takaful, pasaran wang Islam dan perniagaan kewangan dengan memberi nasihat mengenai apa-apa isu syariah, aktiviti dan transaksi berkaitan dengan perniagaan kewangan Islam sesuai dengan apa yang telah dinyatakan di dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009, Seksyen 52 (Miskam & Nasrul, 2013). Selain daripada itu, penglibatan ahli MPS BNM dalam melakukan ijtihad dapat membantu dalam meningkatkan inovasi di industri kewangan Islam (Shaharuddin, 2015).

Institusi kewangan Islam mempunyai kewajipan untuk memastikan pematuhan prinsip syariah dalam semua aspek sama ada dari segi produk, instrumen, operasi, amalan dan pengurusan. Dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 seksyen 28 (1), telah menetapkan bahawa suatu institusi perlu memastikan matlamat dan segala aktiviti atau operasi yang dijalankan adalah patuh syariah. Pematuhan terhadap keputusan yang telah ditetapkan oleh MPS BNM adalah dianggap sebagai mematuhi syariah mengikut seksyen 28(2). Jika sebaliknya berlaku, individu yang gagal mematuhi akan dipenjarakan dalam tempoh tidak melebihi 8 tahun atau denda tidak melebihi 25 juta ringgit atau kedua-duanya seperti yang telah termaktub dalam seksyen 28 (5) (APKI, 2013). Oleh kerana MPS BNM memikul tanggungjawab yang besar, maka hanya mereka yang berkecualan sahaja akan dilantik untuk memikul jawatan tersebut.

Ahli MPS dilantik dari kalangan orang yang berkemahiran dalam bidang syariah atau yang mempunyai pengetahuan dalam bidang kewangan, perbankan, undang-undang atau bidang ilmu lain yang berkaitan. Pelantikan ahli MPS dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat menteri setelah melakukan rundingan dengan Bankseperti yang tertulis dalam Akta Bank Negara Seksyen 53. Permintaan terhadap nasihat atau keputusan Majlis Penasihat Syariah di bawah akta ini boleh dikemukakan kepada sekretariat yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara 2009, seksyen 54.

Terkini seramai 9 orang ahli MPS BNM dari pelbagai latar belakang kemahiran telah dilantik bagi memastikan pematuhan syariah dalam setiap operasi kewangan Islam. Pelantikan ini telah dikuatkuasa bermula pada 1 November 2019 seperti dalam **Jadual 1**. (Bank Negara Malaysia, 2021).

⁸ MPS boleh dirujuk oleh BNM, bank-bank Islam, institusi kewangan dan pihak-pihak berkaitan seperti Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), cagamas dan sebagainya.

Jadual 1: Ahli-ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (2019-2022)

Bil.	Nama	Jawatan
1	Datuk Dr. Mohd Daud Bakar	Pengasas dan Pengerusi Eksekutif, Amanie Group
2	Dr. Ashraf Md. Hashim	Ketua Pegawai Eksekutif, ISRA International Consulting Sdn. Bhd. (IICSB)
3	Dr. Mohamad Akram Laldin	Pengarah Eksekutif, Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa Dalam Kewangan Islam (ISRA)
4	Dr. Engku Rabiah Engku Ali	Professor, Institut Perbankan Dan Kewangan Islam, UIAM
5	Dato' A. Aziz A. Rahim	Pengerusi, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) Malaysia
6	Encik Burhanuddin Lukman	Ketua Unit Takaful, Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa Dalam Kewangan Islam (ISRA)
7	Sahibus Samahah Dato' Dr. Haji Anhar Haji Opir	Mufti Selangor, Jabatan Mufti Selangor
8	Dr. Marjan Muhammad	Ketua Jaminan Kualiti, Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA)
9	Encik Zainal Abidin Jamal	Pengasas dan Rakan Kongsi Kanan, Zainal Abidin & Co. (Peguam Bela dan Peguam Cara)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penubuhan MPS BNM ini juga sebagai suatu badan berautoriti tinggi dalam penentuan hukum yang berkaitan dengan sistem kewangan Islam di Malaysia. Selain daripada itu, penubuhannya juga dapat mengukuhkan lagi rangka kerja syariah dan kewangan Islam serta berperanan penting bagi memastikan keselarasan resolusi syariah yang diaplikasikan dalam industri kewangan Islam. (Hussain et al., 2017).

Kuasa yang diberikan ke atas MPS BNM sebagai badan tunggal dalam menentukan hukum yang berkaitan kewangan Islam di Malaysia dilihat sebagai suatu perkara yang positif. Ini kerana bidang kewangan Islam memerlukan kepada kestabilan dan keseragaman. Ini berbeza dengan permasalahan *fiqh* yang membenarkan perselisihan pendapat. Sekiranya keputusan hukum mengenai kewangan Islam mempunyai pandangan-pandangan yang berbeza, ia boleh menimbulkan kekeliruan dan ketidakpastian di kalangan masyarakat. Hal ini tidak boleh berlaku dalam kewangan kerana ia merupakan suatu bidang yang amat memerlukan kepada kestabilan (Mohamad et al., 2014).

Sehingga kini, MPS BNM telah mengeluarkan sebanyak 240 resolusi yang telah diterbitkan oleh MPS BNM dalam bentuk koleksi. Kesemua resolusi ini telah dihimpuikan dalam Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam Edisi Kedua, Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam (2010–2011), dan Kompilasi Keputusan Syariah Dalam Kewangan Islam Edisi Ketiga.

Ruang lingkup perbincangan yang dilakukan oleh pihak MPS BNM di dalam resolusi yang telah diterbitkan meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan kontrak-kontrak syariah, konsep-konsep syariah sokongan, produk-produk kewangan Islam, operasi takaful, institusi sokongan kewangan Islam, piawaian perakaunan, pembubaran institusi perbankan dan lain-lain. Jumlah resolusi yang telah dikeluarkan oleh pihak MPS BNM diringkaskan seperti dalam **Jadual 2** dibawah:

Jadual 2: Jumlah Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam

Perkara	Jumlah Resolusi
Konsep/Kontrak Syariah	101
Konsep Syariah Sokongan	24
Produk Kewangan Islam	19
Operasi Takaful	39
Operasi Institusi-Institusi Sokongan Dalam Kewangan Islam	18
Piawaiian Perakaunan	5
Pembubaran Institusi Perbankan	8
Lain-lain	26
Jumlah	240

Sumber: Himpunan resolusi Syariah dalam kewangan Islam yang diterbitkan dari tahun 2010-2017.

Resolusi syariah dalam kewangan Islam ini menunjukkan MPS BNM melaksanakan peranan mereka sebagai pihak berkuasa dalam penentuan hukum syarak. Pada awal penubuhan MPS BNM, banyak isu syariah telah dibincangkan. Perkara yang sering dibincangkan oleh ahli MPS BNM adalah yang berkaitan dengan kontrak syariah dalam sesebuah produk kewangan Islam. Hal ini dibuktikan dalam jadual di atas yang mana jumlah kontrak syariah adalah perkara yang paling banyak menyumbang kepada topik perbincangan ahli MPS BNM. Bagi mengetahui dengan lebih jelas mengenai proses penentuan hukum syarak yang berkaitan dengan kewangan Islam, beberapa sesi temubual dengan pihak yang terlibat telah dijalankan.

METODOLOGI

Bagi menyempurnakan kajian ini, penulis telah mengumpul segala data yang berkaitan dengan kajian ini. Metode pengumpulan data merupakan cara atau proses pengumpulan data dan segala informasi yang berkaitan dengan kajian. Ia juga merupakan suatu proses yang berkaitan dengan perancangan dan pelaksanaan dalam pengumpulan data dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu untuk memperolehi maklumat yang berkaitan dengan masalah yang dikaji. Kebiasaannya, data-data tersebut mempunyai maklumat dalam bentuk perangkaan, fakta, persepsi dan sebagainya (Awang, 2001).

Maka, melalui metode ini, penulis menggunakan dua kaedah utama iaitu menggunakan data primer (kajian lapangan) dan data sekunder (kajian perpustakaan). Dalam kajian ini data primer diperolehi daripada metode temu bual, manakala data sekunder diperolehi melalui metode dokumentasi.


Proses pengumpulan data daripada metode temu bual ini dijalankan pada September 2018 hingga November 2019. Tujuan metode ini dijalankan adalah untuk mengetahui dengan lebih jelas tatacara ijtihad yang dijalankan oleh pihak MPS BNM dalam menentukan suatu keputusan hukum. Sesi ini dilakukan bergantung kepada kelapangan waktu antara penyelidik dan informan. Temu bual telah dilakukan selama 45 minit hingga 60 minit dengan menggunakan alat rakaman suara. Pada awal sebelum temu bual dijalankan, responden diberi jaminan bahawa identiti mereka dan semua maklumat yang diberikan akan dirahsiakan. Ini bermaksud bahawa maklumat sulit yang diberikan tidak akan didedahkan dalam penerbitan. Temu bual secara separa struktur ini membantu penyelidik mengembangkan soalan berdasarkan jawapan yang diberikan oleh informan. Berikut adalah informan yang terlibat dalam kajian ini (rujuk **Jadual 3**).

Jadual 3: Maklumat informan

Informan	Jawatan/ Institusi
Responden 1	Pegawai, Jabatan Perbankan Islam dan Takaful
Responden 2	Pegawai, Jabatan Perbankan Islam dan Takaful
Responden 3	Ketua Pematuhan Syariah Syarikat Takaful A

Sumber: Olahan daripada maklumat penyelidik

Kemudian, rakaman temu bual telah ditranskrip untuk mengekstrak maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Transkripsi ini telah membantu penyelidik menyusun dan menganalisis data teks secara sistematik, bagi mengelakkan daripada berlakunya kehilangan informasi (Gorman et al., 2005). Dengan semua maklumat yang telah diperolehi ini, ia memudahkan penyelidik dalam membuat penganalisan data dan kesimpulan penyelidikan. Ringkasan metodologi penyelidikan adalah seperti **Rajah 1** di bawah:



Rajah 1: Prosedur Penyelidikan

Sumber: Olahan penyelidik

Maka, pada bahagian berikutnya, kajian akan menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai tatacara ijtihad MPS BNM yang diperolehi melalui sesi temubual yang telah dijalankan dan juga melalui penganalisan dokumentasi yang berkaitan.

TATACARA IJTIHAD MPS BNM DALAM KEWANGAN ISLAM

Hasil ijtihad oleh ahli MPS BNM dalam menentukan hukum yang berkaitan dengan isu yang dibincangkan telah dikumpulkan di dalam resolusi syariah (Lahsasna, 2014). Ianya dihasilkan sebagai manifestasi ijtihad secara bersama dengan barisan cendekiawan yang mempunyai kepakaran tertentu berhubung perkara syariah dalam kewangan Islam (Bank Negara Malaysia, 2012).

Sebelum suatu isu atau perkara itu ingin dibincangkan, suatu kertas kerja perlu disediakan terlebih dahulu oleh mereka yang terlibat. Perbincangan yang bakal dijalankan akan diuruskan oleh sekretariat yang berfungsi sebagai pembantu MPS dalam menguruskan peyelarasan dan pentadbiran mesyuarat (Bank Negara Malaysia, t.t). Penubuhan sekretariat ini termaktub dalam Akta Bank Negara 2009, Seksyen 54 yang membolehkan MPS melantik urusetia atau apa-apa jawatankuasa bagi membantu MPS BNM menjalankan tugasnya. Antara tugas lain sekretariat ini adalah, mengeluarkan notis mesyuarat kepada MPS, melaksanakan tugas pentadbiran yang berkaitan dengan mesyuarat MPS, menjalankan penyelidikan dan menyediakan kertas syariah

untuk perbincangan dalam mesyuarat serta mengenalpasti dan menentukan isu syariah yang akan dibincangkan di dalam mesyuarat (Bank Negara Malaysia, 2016).

a) Jenis-jenis Isu yang Dibincangkan

Kebiasaannya, isu-isu yang boleh dirujuk kepada pihak MPS BNM adalah yang berkaitan dengan penentuan hukum syariah, namun tidak terhad kepada:

- i. isu syariah dalam penstrukturan produk kewangan Islam,
- ii. isu syariah dalam variasi signifikan kepada produk/instrumen sedia ada,
- iii. isu syariah dalam pengoperasian,
- iv. terdapat perbezaan pandangan antara jawatankuasa syariah IKI, dan
- v. apa-apa perkara yang memerlukan keputusan hukum oleh MPS yang berkaitan dengan undang-undang dan pengawalseliaan.

Pihak yang merujuk kepada MPS BNM adalah dari pelbagai pihak sama ada dari Bank Negara Malaysia sendiri. Sebagai contoh, sekiranya BNM ingin mengeluarkan suatu polisi baru dalam kewangan, dan dalam kandungan polisi tersebut ada perkara yang berkaitan dengan elemen-elemen syariah yang perlu dirujuk. Maka, pihak BNM perlu merujuk kepada MPS BNM untuk mendapatkan pandangan yang jelas terhadap perkara syariah yang terlibat.

Selain daripada itu bank dan institusi takaful juga sering merujuk kepada MPS BNM sekiranya terdapat isu syariah yang tidak boleh diselesaikan diperingkat IKI, atau terdapat produk baru yang belum pernah ada di pasaran maka ia akan dicadangkan untuk merujuk kepada MPS BNM (Responden 3).

Begitu juga untuk institusi-institusi sokongan dalam kewangan Islam seperti Cagamas Bhd, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Credit Guarantee Corporation (CC), Danajamin Nasional Berhad dan lain-lain. Mereka juga boleh merujuk kepada MPS BNM untuk mendapatkan nasihat berhubung perkara pematuhan syariah seperti yang termaktub dalam Akta Bank Negara 2009, subseksyen 52(1)(c).

b) Proses Penyediaan Dokumen

Dalam persediaan untuk membentangkan kertas cadangan kepada MPS, pihak yang merujuk perlu menyediakan maklumat yang lengkap berkenaan perkara yang dirujuk untuk dibincangkan dalam pra-mesyuarat bersama pihak sekretariat MPS terlebih dahulu. Sekretariat akan menilai sama ada keputusan yang sedia ada, berkaitan atau tidak dengan perkara yang dirujuk. Jika perkara yang dirujuk berkait dengan keputusan yang sedia ada, sekretariat akan maklumkan perkara yang dirujuk kepada MPS untuk maklum balas.

Kebiasaannya, pihak yang merujuk atau IKI yang memerlukan pandangan daripada MPS, akan merujuk sekiranya berlaku persoalan hukum dalam penstrukturan membina produk baru, ingin melakukan olahan terhadap produk yang sedia ada ataupun terdapat isu syariah yang timbul dalam pelaksanaan dan pengoperasian syarikat (Responden 1).

Sekiranya sekretariat mendapati perkara yang dirujuk terdapat isu syariah yang perlu dibentangkan, pihak merujuk perlu menyediakan kertas cadangan yang lengkap dan muktamad untuk sekretariat menjalankan kajian dan penilaian syariah sebelum ia dibentangkan kepada MPS (Responden 1). Manakala, pihak yang merujuk pula akan menyediakan kertas cadangan yang telah mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Syariah IKI. Kertas cadangan ini perlu dihantar sekurang-kurangnya 30 hari sebelum mesyuarat dijalankan (Responden 2). Kertas cadangan tersebut perlu merangkumi maklumat-maklumat seperti berikut (Responden 3):

- i. Latar belakang perkara yang dirujuk;
- ii. Struktur atau instrumen yang dicadangkan (jika berkenaan);

- iii. Akad syariah yang diguna pakai beserta pandangan ulama berhubung prinsip yang dicadangkan dan rujukan syariah (jika berkenaan);
- iv. Huraian perkara yang dirujuk, isu-isu syariah yang timbul, penyesuaian fiqh, dan fatwa semasa yang relevan (mana-mana yang berkenaan);
- v. Pandangan dan syor Jawatankuasa Syariah (JKS) yang terperinci dan rujukan yang digunakan; dan
- vi. Sebarang data atau maklumat sokongan yang berkaitan.

c) Keterlibatan Ahli dalam Perbincangan


Ketika mesyuarat, pihak yang merujuk akan membentangkan kertas cadangan kepada MPS. Mereka yang terlibat dalam mesyuarat ini terdiri daripada beberapa individu dari pelbagai jabatan yang berkaitan dengan isu yang dirujuk seperti bahagian pelaburan, bahagian pembangunan produk, bahagian pemasaran dan sebagainya. Mesyuarat ini tidak hanya melibatkan pegawai-pegawai yang mempunyai latar belakang syariah sahaja. Ini kerana dalam sesi soal jawab yang berlaku dalam mesyuarat, mungkin terdapat soalan-soalan yang diluar bidang kuasa syariah dan soalan itu hanya boleh dijawab oleh mereka yang pakar dalam bidang tersebut (Responden 1). Maka, dalam sesi mesyuarat dijalankan, perlu ada beberapa orang wakil daripada pihak yang merujuk dan sekurang-kurangnya seorang JKS dari institusi berkenaan perlu ada dalam sesi tersebut.

Penglibatan ahli mesyuarat dalam pelbagai bidang sangat penting untuk MPS BNM memahami maklumat-maklumat dengan jelas terhadap isu yang dibincangkan agar keputusan hukum yang dikeluarkan bukan sahaja tepat malah dapat diimplimentasikan dalam industri dan diaplikasi oleh masyarakat.

d) Proses Penentuan Hukum

Kemudian, pihak sekretariat juga akan membentangkan analisis dan kajian syariah ke atas perkara yang dirujuk. Setelah perbincangan dilakukan, sekretariat akan memaklumkan keputusan MPS kepada pihak yang merujuk. Dalam prosedur mesyuarat, keputusan MPS seeloknya adalah disepakati oleh semua ahli atau keputusan akan dicapai berdasarkan majoriti 2/3 ahli yang hadir (Responden 1). Sekiranya tiada keputusan yang dicapai, sekretariat akan merujuk semula MPS dan akan berlaku perbincangan semula antara ahli MPS.

Proses perbincangan suatu perkara yang dirujuk kadangkala memakan masa yang agak lama. Ia bergantung kepada tahap kerumitan perkara yang dirujuk. Jika perkara yang dirujuk tidak rumit atau tidak terlalu kritikal, maka proses perbincangan akan mencapai keputusan dengan mudah dan juga sebaliknya. (Rujuk **Rajah 2**).



Rajah 2: Proses aliran mesyuarat dalam menghasilkan keputusan ijtihad. (Hasil temubual dengan informan-informan dan rujukan Manual Rujukan Institusi Kewangan Islam kepada Majlis Penasihat Syariah)

Pendekatan MPS BNM dalam melakukan proses ijtihad terhadap suatu perkara yang memerlukan pandangan syariah boleh dilihat dalam **Rajah 2**. Sebelum suatu hukum itu dikeluarkan, ia perlu melalui beberapa peringkat. Proses ijtihad yang dilakukan tidak terus merujuk kepada MPS sebaliknya akan melalui sekretariat terlebih dahulu untuk pra mesyuarat bagi melakukan semakan sebelum dibawa kepada mesyuarat MPS.

Segala isu yang dibincangkan akan di bawa kepada Jabatan Perbankan Islam dan Takaful untuk diteliti keputusan terlebih dahulu dari perspektif syariah. Jawatankuasa Syariah akan diminta untuk menghadiri mesyuarat untuk membincangkan keputusan di hadapan MPS BNM. Kelulusan atau penolakan keputusan tersebut akan diputuskan sendiri oleh MPS BNM (Abdullah et al., 2014).

KESIMPULAN

MPS BNM merupakan badan yang bertanggungjawab dalam menentukan hukum terhadap isu-isu yang berkaitan dengan kewangan Islam. Oleh itu, seruan terhadap ijtihad dalam isu semasa perlu diteruskan demi kemaslahatan umat Islam dan kelangsungan hukum Islam di Malaysia terutamanya dalam bidang kewangan Islam.

Perbincangan yang komprehensif dalam kalangan ahli MPS BNM ini menunjukkan konsep ijtihad *jama'i* yang diamalkan dalam industri kewangan Islam di Malaysia. Walaupun dalam proses perbincangan, kemungkinan terdapat perbezaan pandangan ahli MPS BNM, tetapi fakta ini tidak menafikan tugas dan tanggungjawab yang dipikul oleh mereka dalam mengeluarkan hukum dengan menggunakan ilmu dan segala kepakaran yang mereka miliki. Ini kerana setiap pandangan hukum yang dikeluarkan akan melalui prosedur atau manual yang telah ditetapkan dalam "*Manual Rujukan Institusi Kewangan Islam kepada Majlis Penasihat Syariah*". Sebarang permintaan untuk memperolehi nasihat atau keputusan hukum terhadap sesuatu produk baru atau perkhidmatan yang ingin ditawarkan, perlu disampaikan melalui sekretariat MPS.

Hal ini sekaligus menolak kritikan berhubung ketiadaan peraturan dan garis panduan MPS BNM dalam mengeluarkan hukum (Zakaria, 2013). Begitu juga Markom et al. (2013) yang menyatakan MPS BNM hanya melakukan duplikasi produk konvensional dan prinsip-prinsip syariah hanya digunakan untuk mengesahkan pematuhan syariah. Jika MPS BNM hanya sekadar memberi justifikasi dan menduplikasi produk konvensional, maka sudah pasti ia tidak memerlukan jangka masa yang panjang dalam proses pengeluaran hukum. Sedangkan setiap permohonan yang dihantar perlu mengikut saluran yang telah ditetapkan dengan penyediaan kertas cadangan yang lengkap. Seterusnya kertas cadangan itu akan dibentangkan dan dilakukan perbincangan secara teliti sebelum suatu keputusan hukum dikeluarkan. Perbincangan terhadap sesuatu perkara yang dirujuk itu mengambil masa yang lama sehingga berbulan-bulan. Sehubungan dengan itu, suatu keputusan hukum tidak akan dikeluarkan kecuali setelah melalui proses penyelidikan dan perbincangan.

Oleh kerana perkembangan hidup manusia sentiasa berubah dan berkembang seiring dengan kemajuan dunia, amalan ijtihad *jama'i* adalah sangat diperlukan. Kemajuan ini memaksa penjelasan syarak bagi perkara-perkara baru yang timbul. Namun perlu ditekankan bahawa ijtihad yang dilakukan perlulah mengikut kaedah-kaedah yang diiktiraf oleh syarak. Maka, segala isu yang timbul terutamanya yang berkaitan dengan kewangan Islam perlu dirujuk kepada mereka yang pakar untuk mendapatkan hukum yang bersesuaian dengan suasana hidup masyarakat.

RUJUKAN

- ‘Ali al-Syirazi, A.I. (n.d). *al-Luma’ Fi Usul al-Fiqh*. al-Maktabah al-Tawfiqiyah.
- Ab Majid, M. Z. H. (2004). Fatwa dan isu semasa: Masalah dan cabaran di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 12(2), 79-93.
- Abdullah, M. A., Rusni, A., Omar, M. N., Napiah, M. D., Othman, A. A., Ariffin, M., & Yusoff, A. (2014). A study on the Shariah decision making processes adopted by the Shariah Committee in Malaysian Islamic Financial Institutions. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 8(13), 670-675.
- Abu Zahrah. (n.d). *Usul al-Fiqh*. Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Al-Amidi, A. I. M. (2003). *al-Ihkam Fi Usul al-Abkam*. Dar al-Sami’i.
- Al-Amidi. (n.d). *al-Ihkam fi Usul al-Abkam*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Asnawi, J. A. D. (1924). *Nihayah al-Sul Fi Syarh Manhaj al-Usul*. ‘Alam al-Kutub.
- Al-Ghazali. (n.d). *al-Mustasfa*. Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Namilah, A. K. (2000). *Al-Jāmi’ Li Masā’il Usūl al-Fiqh Wa Taṭbīqātihā ‘alā al-Madhab al-Rājiḥ*. Maktabah al-Rushd.
- Al-Razi, (1981). *Mukbtar al-Sihab*. Dar al-Fikr.
- Al-Syarafi, A. A. A. (1998). *Al-Ijtihad al-Jama’i fi al-Tashri’ al-Islamiyyah. Kitab al-Ummah*. Wizarat al-Auqaf Wa al-Shu’un al-Islamiyyah.
- Arif, M. I. A. M., & Markom, R. (2013). Peranan dan kedudukan Majlis Penasihat Syariah untuk memperkasakan sistem kewangan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 127-132.
- Awang, I. (2001). *Kaedah penyelidikan: Suatu sorotan*. Intel Multimedia and Publications.
- Bank Negara Malaysia. (2010). *Resolusi Syariah dalam kewangan Islam*. Bank Negara Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. (2012). *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (2010-2011)*.
https://www.bnm.gov.my/documents/20124/938039/20121107_S_G_0005.pdf/a8d0837f-bca1-aeac-fb50-57931ba14c4e?t=1592212076223
- Bank Negara Malaysia. (2014). *20 years experience of Malaysian takaful industry*.
<https://www.bnm.gov.my/documents/20124/792371/booklet.en.pdf>
- Bank Negara Malaysia (2016). *Manual rujukan institusi kewangan Islam kepada penasihat syariah*.
https://www.bnm.gov.my/documents/20124/938039/Manual_Rujukan_IKI_kpd_MPS.pdf/d58a8c36-a439-b036-1b9e-0ffe980bb482?t=1592244270923
- Bank Negara Malaysia. (t.t). *SAC Secretariate*. Shariah Advisory Council Bank Negara Malaysia.
https://www.sacbnm.org/?page_id=3303
- Bank Negara Malaysia. (2021). *Profile of Current SAC Members (2019-2022)*. Shariah Advisory Council. <https://www.bnm.gov.my/shariah-advisory-council>
- Borhan, J. T. (2001). Sistem perbankan Islam di Malaysia: Sejarah perkembangan, prinsip dan amalannya. *Jurnal Usuluddin* 14, 137-164.
- Gorman, G. E., Clayton, P., Shep, S. J., & Clayton, A. (2005). *Qualitative research for the information professional: A practical handbook*. Facet.
- Hasan, R., & Salleh, S. (2017). Pematuhan Syariah dalam operasi takaful di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013. *Shariah Journal*, 25(2), 247-266.
- Hussain, L. (2013). *Ijtihad jama’i dalam penetapan hukum syarak: Aplikasi di Malaysia*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Hussain, M. A., Hassan, R., Azhar, A., & Hasan, A. (2017). The appointment of members to the Shariah Advisory Council of Central Bank of Malaysia: Legal issues. *UUM Journal of Legal Studies*, 8, 167-181.
- Ibn al-Manzur. (1999). *Lisan al-Arab*. Dar al-Ihya al-Thurath al-Arabi.
- Ismail, A. G., & Sanusi N. A. (2004). A regulatory framework for Islamic bank. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 1(1), 97-120.
- Kamali, M. H. (1991). *Principles of Islamic jurisprudence*. The Islamic Text Society.
- Kamali, M. H. (2000). *Principles of Islamic jurisprudence*. Ilmiah Publishers Sdn. Bhd.

- Lahsasna, A. (2014). *Shari'ah non-compliance risk management and legal documentations in Islamic finance*. John Wiley & Sons.
- Manan, A. (2006). *Reformasi hukum Islam di Indonesia*. PT Raja Grafindo Persada.
- Markom, R., Pitchay, S. I., Zainol, Z. A., Rahim, A. A., & Merican, R. M. A. R. (2013). Adjudication of Islamic banking and finance cases in the Civil Courts of Malaysia. *European Journal of Law and Economics*, 36(1), 1-34
- Miskam, S., & Nasrul, M. A. (2013, November). Shariah governance in Islamic finance: The effect of the Islamic Financial Service Act 2013. *Proceeding of the World Conference on Integration of Knowledge* (pp 25-26).
- Mohamad, T. M., Borhan, J. T., & Sulaiman, A. A. (2014). Krisis kewangan global: Kestabilan dan karakteristik unik perbankan Islam. *Jurnal Syariah*, 22(1), 57-86.
- Qardawi, Y. (1994). *al-Ijtihad al-Mu'asirah Baina al-Indibat wa al-Infirat*. Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- Qardawi, Y. (2011). *al-Ijtihad Fi al-Shari'ah al-Islamiyah*. Dar al-Qalam.
- Ridla, M. R. (1922). *Al-Imamat al-Uzḥma Mabab.its Syar'iyyat Ijtima'iyyat Ishlabiyyat*. Mathba'at al-Manar.
- Rosele, M. I., Ariffin, M. F. M., Ramli, M. A., & Ismail, M. Z. (2016). Pendekatan ijtihad kontemporari dalam isu semasa di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 13, 53-66.
- Sano, Q. M. (2004). *Al-Ijtihad al-Jama'i al-Manshud fi Dhan' al Waqi' al-Mu'asir*. Dar al-Tajdid.
- Shaharuddin, A. (2015). Harmonizing Shariah rulings in Islamic finance: Strategies and challenges. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 12(1), 1-12.
- Syed Mohamad, S. F. (2020). Full fledged vs shared/outsourced takaful operators: A maqasid index approach. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 17(2), 17-31.
- Syed Shamsuddin, S. S., & Ismail, A. M. (2018). Pendekatan ijtihad jama'i dalam pengharmonisasian ikhtilaf fuqaha. *Journal of Fatwa Management and Research*, 12(1), 22-36.
- Zaidan, A. K. (1976). *Al-Wajiḥ Fi Usul al-Fiqh al-Islami*. Maktabah al-Quds.
- Zakaria, T. A. B. (2013). A judicial perspective on Islamic finance litigation in Malaysia. *IIUM Law Journal*, 21(2), 143-182.

Received date: 27 December 2020
Acceptance date: 22 September 2021
Published date: 1st December 2021

Aisyah Mustafa
Department of Shariah and Economy
Academy of Islamic Studies
University of Malaya
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA
E-mail: aisyah.mustafa@gmail.com

Asmak Ab Rahman (penulis koresponden)
Department of Shariah and Economy
Academy of Islamic Studies
University of Malaya
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA
E-mail: asmak@um.edu.my